

Hari Jururawat Malaysia

120P 121531

# Buka peluang luas jururawat sambung pengajian lebih tinggi

Oleh Prof Madya Dr Siti Fatimah Sa'at  
bhrencana@bh.com.my



Penolong Profesor Kulliyah Kejururawatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

**Profesional** kejururawatan menjadi tulang belakang kepada sistem kesihatan kerana golongan itu melaksanakan pelbagai peranan penting, termasuk penjagaan holistik kepada pesakit, pendidikan masyarakat mengenai kesihatan, sokongan emosi kepada keluarga pesakit serta terbabit dalam aspek pengurusan dan pentadbiran kesihatan.

Dalam apa jua keadaan, sama ada di wad hospital, di klinik komuniti mahupun di lapangan bencana, jururawat sentiasa berada di barisan hadapan, berbakti dengan sepenuh hati dan jiwa.

Hari Jururawat Malaysia yang disambut semalam adalah detik amat bermakna untuk mengiktiraf jasa dan pengorbanan jururawat meskipun mereka boleh diibaratkan wira tidak di-dendangkan.

Mereka menjalankan tanggungjawab besar dan mencabar, termasuk bekerja dalam syif panjang, menghadapi tekanan emosi dan menguruskan situasi kritis yang memerlukan ketangkasan dan kebijaksanaan.

Sekjak beberapa tahun kebelakangan ini, negara menyaksikan betapa pentingnya peranan jururawat, terutama ketika penularan pandemik COVID-19. Jururawat menjadi antara pasukan petugas utama memberikan rawatan kepada pesakit, melaksanakan pengesanan kontak, memberi vaksinasi dan mendidik masyarakat mengenai langkah pencegahan. Ternyata, tanpa pembabitan jururawat berani dan berdisiplin, usaha mengekang penularan wabak pasti sukar dilaksanakan.

Oleh itu, masyarakat keseluruhan termasuk ke-

rajaan, organisasi kesihatan, institusi pendidikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu menunjukkan sokongan kepada jururawat melalui pengiktirafan, penghargaan dan penambahbaikan kepada persekitaran kerja serta peluang pembangunan kerjaya mereka.

## Tuntutan pengetahuan, kemahiran tinggi

Seiring perkembangan pesat dalam teknologi kesihatan dan keperluan rawatan pesakit semakin kompleks, profesion kejururawatan menuntut tahap pengetahuan dan kemahiran tinggi.

Jururawat hari ini bukan lagi sekadar pelaksana tugas klinikal, malah turut berperanan sebagai pemimpin, penyelidik, pendidik dan pengubal dasar kesihatan.

Justeru, penting untuk semua jururawat diberi galakan dan peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Usaha ini akan membuka ruang kepada jururawat untuk meningkatkan pengetahuan saintifik, memantapkan kemahiran klinikal serta memperkuuh keupayaan dalam membuat keputusan berdasarkan bukti.

Peningkatan tahap pendidikan juga membolehkan jururawat memainkan peranan lebih besar



dalam pelbagai bidang seperti pengurusan kesihatan awam, kejururawatan komuniti, pengurusan penyakit kronik, penjagaan warga emas dan pendidikan kesihatan.

Dengan itu, jururawat mampu menjadi ejen perubahan dalam memperkuuhkan sistem kesihatan negara. Kerajaan, institusi pengajian tinggi dan badan profesional digesa untuk menyediakan lebih banyak peluang pendidikan seperti program ijazah lanjutan, kursus profesional berterusan (CPD) serta insentif pembiayaan bagi menyokong aspirasi jururawat dalam mengejar kecemerlangan akademik dan profesional.

Tema sambutan Hari Jururawat Antarabangsa pada tahun ini 'Our Nurses. Our Future. Caring for Nurses Strengthens Economies' amat bertepatan dengan realiti semasa. Ia menyeru semua pihak untuk melihat profesion kejururawatan bukan sahaja sebagai penyumbang kepada kesihatan individu, bahkan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial negara.

Penjagaan diberikan jururawat mempunyai nilai ekonomi tinggi kerana mampu mengurangkan tempoh rawatan pesakit, mencegah komplikasi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Dengan pelaburan betul terhadap profesion ini, termasuk latihan, sokongan psikososial, kenaikan pangkat dan pengiktirafan, jururawat dapat memberikan impak positif berkekalan terhadap sistem kesihatan negara serta masyarakat umum.

Sambutan Hari Jururawat juga menjadi peringatan penting kepada seluruh warga negara mengenai nilai murni, komitmen dan kepakaran jururawat dalam memastikan rakyat menerima penjagaan kesihatan terbaik. Penghargaan terhadap jururawat perlu diterjemahkan bukan sahaja dalam bentuk ucapan, tetapi juga melalui tindakan menyokong kemajuan profesion ini.

## TVET laluan efektif lahir tenaga mahir berjiwa usahawan

Oleh Noor Aslinda Abu Seman  
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Johor Business School Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

**Kalau** dahulu Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sering dianggap sebagai laluan alternatif untuk pelajar kurang cemerlang dalam akademik, kini ia antara cabang pendidikan paling relevan dan efektif untuk menghasilkan siswazah mahir dan sangat diperlukan industri.

Di negara ini, lebih 1,300 institusi menawarkan program TVET, termasuk kolej vokasional, politeknik, kolej komuniti dan institut kemahiran seperti GiatMARA dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), serta universiti teknikal, umpamanya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Institusi ini menawarkan pelbagai program daripada peringkat sijil hingga ke sarjana muda, khusus untuk memenuhi keperluan semasa industri.

Kadar kebolehpasaran siswazah TVET amat membanggakan sehingga pada 2024 mencecah purata 94.5 peratus, manakala institusi di bawah MARA mencatat kadar setinggi 98.7 peratus.

Pada tahun sebelumnya, kadar kebolehpasaran hampir mencapai 100 peratus, sekali gus membuktikan betapa tingginya permintaan terhadap

tenaga kerja berkemahiran di pasaran.

Ini bermakna hampir semua pelajar berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian, kebanyakannya dalam bidang dipelajari, sekali gus berbeza dengan beberapa bidang akademik konvensional masih ber gelut dengan isu siswazah menganggur.

Kerajaan juga giat melaksanakan Dasar TVET Negara 2030 dengan menekankan transformasi digital, pembangunan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan internet benda (IoT) serta memperkuuh hubungan antara institusi TVET dengan pihak industri.

Satu lagi kelebihan besar TVET adalah ia bukan sekadar melatih pelajar menjadi pekerja mahir, bahkan membuka jalan kepada keusahawanan teknikal.

Konsep keusahawanan teknologi ini bermakna pelajar dididik bukan hanya bekerja, bahkan mencipta peluang kerja seperti sebagai pemilik bengkel, pembangun sistem automasi, pembuat peralatan pintar, usahawan makanan atau penyedia perkhidmatan teknologi.

Contohnya, pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional di UTHM turut mengikuti kursus keusahawanan kerana ia menyediakan inkubator perniagaan, bengkel inovasi dan peluang kerjasama dengan industri bagi menggalakkan pelajar mencipta produk sendiri dan mendaftarkan per-

niagaan seawal tahun akhir pengajian.

Hakikatnya, siswazah menguasai kemahiran teknikal dan memiliki semangat keusahawanan sebenarnya mempunyai kelebihan besar kerana mampu memulakan perniagaan kecil seperti servis elektrik, mekanik, baik pulih komputer atau ruang bentuk produk digital.

Dengan bantuan pembiayaan seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga, Majlis Amanah Rakyat (MAR) atau SME Corporation Malaysia (SME Corp), mereka boleh mengembangkan perniagaan ke peringkat lebih tinggi.

TVET bukan sekadar memberi sijil, bahkan modal insan bersedia untuk dunia sebenar. Dalam keadaan ekonomi mencabar, memiliki kemahiran adalah aset paling penting. Ia juga membuka ruang untuk pelajar menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi secara modular, fleksibel dan mengikut kadar sendiri, sekali gus membolehkan pembelajaran sepanjang hayat.

Justeru, TVET bukan lagi pilihan terakhir, tetapi laluan strategik yang bukan sahaja membawa kepada kerjaya stabil dan permintaan tinggi, bahkan ruang kepada belia mencipta perniagaan sendiri.

Ibu bapa perlu sedar dunia hari ini bukan lagi bergantung semata-mata kepada kelulusan akademik, tetapi kepada apa yang kita boleh buat dan sumbangkan secara praktikal.